

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ ALOR SETAR ]**  
**TARIKH : 18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN CHAN MING KAI [ ALOR SETAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa pembayar cukai Borang B dan BE yang membuat tuntutan tanggungan anak, senaraikan mengikut jumlah setiap anak tambahan yang ditanggung, anak 18 tahun masih belajar dan anak kurang upaya.

**JAWAPAN**

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun taksiran 2020, jumlah pembayar cukai individu yang membuat tuntutan pelepasan anak adalah sebanyak 1,973,083 orang yang mana ia melibatkan tuntutan pelepasan anak melalui Borang B (297,209 orang) dan Borang BE (1,675,874 orang).

2. Melalui Borang B, jumlah pembayar cukai yang menuntut pelepasan anak berumur di bawah 18 tahun adalah sebanyak 225,341 orang dan melalui Borang BE sebanyak 1,239,775 orang. Bagi kategori anak berumur 18 tahun ke atas, sebanyak 65,949 orang pembayar cukai menuntut pelepasan melalui Borang B dan sebanyak 394,401 orang melalui Borang BE. Bagi anak OKU pula, sebanyak 5,919 orang pembayar cukai menuntut pelepasan melalui Borang B dan sebanyak 41,698 orang menuntut pelepasan melalui Borang BE.

Sekian, terima kasih.